Text Speech

Ucapan : ADHO
593
212/80

UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN,

MENTERI PELAJARAN, KETIKA MENERIMA

CEK DARI SYARIKAT MOBIL MALAYSIA

DI KEMENTERIAN PELAJARAN PADA

18HB JUN, 1973, PUKUL 11.00 PAGI

---------------------------------

Leong Yoke Sun.
R. H. Kleeb Jr. Ismail Haji Awang.
(Regional Relations manager, Mobil)

TERLEBIH DAHULU SAYA

MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PENGURUS SYARIKAT MOBIL MALAYSIA KERANA TELAH MENDERMAKAN BAGI KALI YANG KEDUANYA SEBANYAK $5,000/- KEPADA UNIVERSITI KEBANGSAAN. PADA PAGI INI JUGA SAYA AKAN MENYAMPAIKAN TIKET KAPALTERBANG KEPADA SEORANG PENUNTUT MALAYSIA ANJURAN MOBIL BAGI MENGHAZIRI SATU PERKHEMAHAN YANG DIPANGGIL "CAMP RISING SUN" DI STATE OF NEW YORK AMERIKA SYARIKAT PADA TAHUN INI.

3 month (Jun - Sept)

Wong Chiew Chin (Form 4) St Michael Institution Ipoh.

...2

2. SUMBANGAN MOBIL SEKALIPUN KECIL TETAPI DARI SEGI PELAJARAN ADALAH BESAR MAKNANYA TERUTAMA SEKALI BAGI UNIVERSITI KEBANGSAAN YANG SEDANG PESAT MEMBANGUN UNTUK MEMBERI TEMPAT SEBERAPA BANYAK YANG BOLEH KEPADA PELAJAR-PELAJAR DI NEGARA KITA INI.

3. MENGENAI PERKHEMAHAN "RISING SUN" ADALAH BAGI KALI YANG KETIGA PENUNTUT MALAYSIA TELAH DIPILIH MENGAMBIL BAHAGIAN SEMENJAK DUA TAHUN YANG LALU. KEPADA PELAJAR YANG BERNASIB BAIK DIPILIH MEWAKILI NEGARA KITA DALAM PERKHEMAHAN INI, SAYA BERHARAP BELIAU DAPAT MEMBERI SUMBANGAN YANG BERFAEDAH TERHADAP USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK PENGANJUR. PELAJAR BERKENAAN MESTILAH MENSIFATKAN DIRINYA SEBAGAI SEORANG DUTA KECIL NEGARA KITA DAN OLEH KERANA ITU SUDAH SEMESTINYA-LAH BELIAU MENUNJUKKAN PERIBADI DAN TAULADAN YANG BAIK.

...4

4. SELAIN DARIPADA MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH PENGELOLA "CAMP RISING SUN" SAYA HARAP PESERTA DARI MALAYSIA DAPAT JUGA MENUNJUKKAN KEBUDAYAAN ~~KITA~~ NEGARA INI DAN MENYUMBANGKAN LAIN-LAIN KEGIATAN YANG TIDAK PERNAH MEREKA LIHAT SUPAYA NEGARA KITA AKAN DIKENALI OLEH RAKAN-RAKAN ~~KITA~~ NYA DARI NEGERI-NEGERI LAIN, DAN DENGAN ITU NANTI KITA DAPAT MENARIK MINAT MEREKA TERHADAP PERKEMBANGAN NEGARA KITA DALAM SEMUA SEGI.

5. SAYA PERCAYA PENGALAMAN YANG AKAN DIPEROLEHI OLEH PENUNTUT YANG DIPILIH MENGHAZIRI PERKHEMAHAN INI TIDAK BOLEH DIBELI DENGAN WANG RINGGIT. SELAIN DARIPADA MEMPEROLEHI PENGETAHUAN YANG MENDALAM KITA JUGA BERHARAP SEKEMBALINYA KE TANAH AIR, PENUNTUT YANG DIPILIH MEWAKILI MALAYSIA DAPAT PULA MENYEBARKAN PENGETAHUAN ITU KEPADA PELAJAR-PELAJAR YANG LAIN DEMI KEBAIKAN PELAJAR-PELAJAR ITU SENDIRI, KHUSUSNYA DI BIDANG PERGAULAN, BIMBINGAN JUGA PELAJARAN. OLEH KERANA PERKHEMAHAN INI AKAN DIHAZIRI OLEH PELAJAR-PELAJAR DARI

...6

PELBAGAI NEGARA DI DUNIA INI, MAKA IANYA MERUPAKAN SATU PERJUMPAAN YANG AKAN MEWUJUDKAN TALI PERSEFAHAMAN DAN MUHIBBAH YANG MANA AMATLAH SESUAI DENGAN PRINSIP-PRINSIP RUKUNEGARA KITA YANG BERUSAHA MENGGALAKKAN KITA SEMUA MEWUJUDKAN PERASAAN MUHIBBAH DAN PERSEFAHAMAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

...7

AKHIRNYA SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH BAGI PIHAK UNIVERSITI KEBANGSAAN KEPADA SYARIKAT MOBIL KERANA TELAH DAPAT MENDERMAKAN WANG $5,000/- DAN JUGA KERANA TELAH DAPAT MEMBERIKAN PELUANG KEPADA SEORANG PENUNTUT DARI NEGARA KITA MENGHAZIRI PERKHEMAHAN "CAMP RISING SUN" PADA TAHUN INI.

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/U

No Siri 555
No Penerimaan 200/80